

BAB 4

Agama, Kepercayaan dan Keunikan Warisan Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

4.1

Agama dan Kepercayaan

Kepercayaan Awal

Animisme

- Kepercayaan setiap makhluk, hidupan dan tumbuhan memiliki roh atau semangat.
- Kepercayaan terhadap makhluk halus dan penyembahan roh nenek moyang yang meninggal dunia yang dipanggil *hyang*.

Dinamisme

- Kepercayaan terhadap kekuatan yang dikenali *mana* atau semangat. Setiap benda dan makhluk dianggap mempunyai *mana* yang boleh mempengaruhi kehidupan seseorang.

Penyebaran Agama Hindu, Buddha dan Islam Sebelum Abad ke-15

Agama Hindu dan Buddha

- Tersebar sebelum Masihi di kerajaan Champa, Majapahit, Funan, Srivijaya, Angkor, Kedah Tua dan Gangga Nagara
- Mempengaruhi kehidupan masyarakat kerajaan Alam Melayu ini.

Agama Islam

- Tersebar di Alam Melayu bermula abad ketujuh.
- Diamalkan di kerajaan Champa, Majapahit, Kedah dan Pasai.



Penilaian Tahap Penguasaan 4.1

1. Isi tempat kosong berikut tentang kepercayaan awal kerajaan Alam Melayu. **TP 2**

Kepercayaan
Awal

- (a) Kepercayaan setiap makhluk, hidupan dan tumbuhan memiliki (i) _____ atau semangat.

(b) Kepercayaan terhadap makhluk halus dan penyembahan roh (i) _____ yang meninggal dunia yang dipanggil (ii) _____ untuk memastikan keluarga yang masih hidup mendapat kebaikan atau menghindari kesusahan.
- (a) Kepercayaan terhadap kekuatan yang dikenali (i) _____ atau semangat.

(b) Setiap benda dan (i) _____ dianggap mempunyai *mana* yang boleh mempengaruhi (ii) _____ seseorang.

2. Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah tentang penyebaran agama ke kerajaan Alam Melayu sebelum abad ke-15. **TP 1**

- (a) Agama Hindu dan Buddha tersebar selepas Masihi lalu mempengaruhi kehidupan masyarakat kerajaan Alam Melayu.
- (b) Agama Islam tiba di Alam Melayu mulai abad ketujuh.
- (c) Agama Islam diamalkan di kerajaan Champa, Majapahit, Kedah dan Pasai.